



23 Disember 2024
23 December 2024
P.U. (A) 447

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN
SEKTOR AWAM) 2024

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 24 Disember 2024.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Program ICP dan IMTN” ertinya Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam menurut Program Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sehingga dua puluh lima bilion ringgit (RM25,000,000,000.00);

“jaminan” ertinya jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Program ICP dan IMTN.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh—

(a) Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam atau mana-mana pemegang Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa

perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program ICP dan IMTN dan jaminan; atau

- (b) mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program ICP dan IMTN dan jaminan di bawah Perintah ini dipindahkan atau diserahkan,

hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program ICP dan IMTN dan jaminan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 12 Disember 2024

[MOF.SID(S)700-14/2/14 JLD. 7; PN(PU2)232/JLD.18]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (Public Sector Home Financing Board) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 24 December 2024.

Interpretation

2. In this Order—

“ICP and IMTN Programme” means the Islamic Commercial Papers and the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by the Public Sector Home Financing Board pursuant to the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes Programme with a nominal value of up to twenty-five billion ringgit (RM25,000,000,000.00);

“guarantee” means guarantee given or to be given by the Government of Malaysia in relation to the ICP and IMTN Programme.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by—

(a) the Public Sector Home Financing Board or any holder of the Islamic Commercial Papers and Islamic Medium Term Notes in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the ICP and IMTN Programme and the guarantee; or

(b) any party to whom the agreement, note, instrument and document in relation to the ICP and IMTN Programme and the guarantee under this Order is transferred or assigned,

shall be remitted in full.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the ICP and IMTN Programme and the guarantee shall be remitted in full.

Made 12 December 2024

[MOF.SID(S)700-14/2/14 JLD. 7; PN(PU2)232/JLD.18]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II